

13 JAN 2003

APPF-Amerika/I

WAKIL APPF AMERIKA PERTAHANKAN PENDIRIAN AMERIKA KE ATAS IRAQ

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Amo Houghton, ketua delegasi Amerika Syarikat (AS) ke mesyuarat Forum Parlimen Asia Pasifik (APPF) ke-11 di sini hari ini berkata beliau tidak menganggap negara itu mengamalkan sikap pilih kasih dalam dasarnya membabitkan Iraq.

Beliau berkata AS hanya cuba melindungi keselamatan negaranya dengan melakukan perkara yang dirasakannya terbaik mengikut keadaan.

"Kami tidak mahu melakukan serangan awal, tetapi kami mahu melindungi diri kami serta ramai daripada kawan-kawan kami, seandainya Iraq mempunyai senjata pemusnah di negaranya," katanya ketika ditemui pemberita.

Houghton yang merupakan anggota Dewan Perwakilan Amerika Syarikat, diminta mengulas mengenai rancangan Amerika untuk menyerang Iraq yang didakwa mempunyai senjata pemusnah, yang dianggap sesetengah negara Islam merupakan dasar pilih kasih AS.

Beliau berkata setakat yang membabitkan Iraq, Amerika kini bekerja rapat dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti yang dilakukan semasa perang Teluk (Desert Storm) dan beliau yakin negara itu juga akan memberi bekerjasama dalam urusan seperti ini.

Houghton berkata memandangkan pembabitan PBB dilihat sebagai kurang berkesan dalam Desert Storm beberapa tahun lepas, beliau berkata Presiden Amerika Syarikat George W. Bush menggesa supaya langkah yang lebih tegas diambil kali ini.

"Kami memikirkannya dan akhirnya saya rasa Presiden Bush berkata bahawa kita perlu melakukan sesuatu yang lebih tegas kali ini. Itu sebab kita lakukan apa yang kita kata," kata Houghton, yang menerangkan mengenai kerjasama rapat negara itu dengan PBB.

Beliau berkata kerajaan AS memutuskan untuk bekerja rapat dengan PBB daripada melakukan serangan awal bersendirian.

Beliau berkata dengan bekerjasama dengan PBB, beliau yakin akan ada penyelesaian yang baik dalam konflik Iraq itu.

Mesyuarat tiga hari APPF yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini, dihadiri lebih 150 pengubal undang-undang dari 27 buah negara anggota.

-- BERNAMA

FA AZH MFJ LAT